



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 30 MEI 2025

BIL.	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	AGEING FARMERS A WORRYING TREND, NATION, THE STAR – 5	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
2.	PERTANIAN NEGARA KRITIKAL, GENERASI MUDA KURANG MINAT, NASIONAL, BERITA HARIAN – 17	
3.	BAHAYA LEMBU SELUDUP UNTUK IBADAT KORBAN, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA - 6	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
4.	MALAYSIA MASIH BERGANTUNG KEPADA IMPORT MAKANAN, EKONOMI, UTUSAN MALAYSIA – 31	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
5.	MALAYSIA MASIH LAGI BERGANTUNG KEPADA BAHAN MAKANAN IMPORT, NASIONAL, BERITA HARIAN – 17	
6.	SEDIA 'BERPISAH' DENGAN AWANG, LOKAL, HARIAN METRO – 9	LAIN-LAIN
7.	PENCEMARAN NAJIS BABI, KILANG HARAM DI PULAU PINANG, NARATIF PULAU MUTIARA, HAKAKAH – 4	
8.	LAMANITA: LANGKAH PERGIAT KETERJAMINAN MAKANAN, SG4:PERLIS, HAKAKH – 16	
9.	'ADA AYAM SUDAH MATI SEBELUM SEMBELIH', NEGERI, SINAR HARIAN – 24	
10.	WEATHER WOES CAN'T STOP THE 'KING', NATION, THE STAR – 6	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Ageing farmers a worrying trend

Lack of young people in agriculture threatens food security

By SHERIDAN MAHAVERA
mahavera@thestar.com.my

SERDANG: Malaysians aged over 60 make up the largest segment of the country's farmers, while around 90% of all farmers have only completed education up to the SPM level, according to preliminary findings from the 2024 Agriculture Census.

Deputy Prime Minister Datuk Seri Fadillah Yusof, who announced the interim results yesterday, said the census, the first in more than two decades, aims to provide a comprehensive picture of Malaysia's agricultural and food production landscape.

"With the 2024 Agriculture Census, we now have current, comprehensive baseline data for the agriculture sector."

"The last data collection of this scale was conducted over 20 years ago," he said in his speech when announcing the census' interim report.

Fadillah, who chairs the Cabinet Committee on Food Security, said the data would serve as a foundation for crafting evidence-based policies and for strengthening the planning, implementation and monitoring of agricultural initiatives.

The census began in mid-2024 and was led by the Statistics

WATCH THE
VIDEO
TheStarTV.com



Department under the Economy Ministry, in collaboration with 1,390 federal, state and district-level agencies.

Elaborating on some of the main findings, Fadillah said the data revealed challenges and obstacles the agricultural sector faces in contributing to the country's food security.

For instance, out of the more than 1.03 million agricultural entrepreneurs, over 1.008 million are individuals, with only about 21,000 being group entities.

The age profile of these farmers also highlights a concerning trend: 45.6% are aged over 60, 32.3% are between 46 and 59 years old, and only 22.2% fall between the ages of 15 and 45.

"The predominance of senior citizens among individual farmers directly impacts farm productivity and the nation's capacity to increase domestic production and sustain the agriculture sector as a whole," Fadillah said.

He also noted that 90.1%, or 909,114, of individual farmers only possess SPM-level education, which could pose challenges in



Farming in numbers: Fadillah (centre) showing the interim report at the launching ceremony of the 2024 Agricultural Census Interim Report at the Malaysia Agro Exposition Park in Serdang.
— Bernama

modernising the sector.

"Although there is no direct link between education level and farming productivity, it plays an important role in enabling farmers to make accurate decisions, access the latest information and adopt modern farming practices."

Another critical finding is that out of the 7.5 million hectares of agricultural land in Malaysia, about 5.8 million hectares are dedicated to oil palm and 700,000ha to rubber.

In contrast, food crops, of which rice is the largest, occupy just 500,000ha.

"Among the biggest challenges for individual farmers is limited

land, especially plots smaller than five acres (2.02ha). Small plot sizes significantly impact productivity and crop yields.

"This affects not only farmers' incomes but also threatens long-term growth of the sector."

The census also revealed the sector's heavy dependence on migrant labour, with 474,000 of the 1.4 million agricultural workers being foreigners, Fadillah added.

"This shows that the sector is still dependent on migrant workers in order to sustain itself."

To ensure continuous data-driven policy-making, Fadillah announced that the agricultural

census will now be conducted every 10 years, with interim surveys beginning in 2026 to help monitor developments more effectively.

The public will be able to access statistics on the industry through a one-stop terminal called TaniStats, which will include macro-level industry data (TaniFacts), value chain information of agriculture products (myAgrochain) and food-related data (myFoodStats).

The MyAgroPrice portal, on the other hand, will allow users to compare farm, wholesale and retail prices of various food products.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/5/2025	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	6



HARGA murah menjadi penyumbang kepada permintaan tinggi lembu seludup masuk Malaysia melalui pangkalan haram di sepanjang Sungai Golok, Kelantan.

Bahaya lembu seludup untuk ibadat korban

KOTA BHARU: Orang ramai yang ingin melakukan ibadah korban sempena sambutan Hari Raya Aidiladha pada 7 Jun ini diingatkan agar tidak membeli lembu seludup dari Thailand.

Ini kerana, lembu seludup dari negara jiran itu dipercayai tidak menjalani proses kuarantin oleh Jabatan Veterinar negeri dan berisiko membawa jangkitan Antraks yang boleh menyebabkan kematian kepada manusia.

Kebimbangan itu berasas selepas Thailand merekodkan kes kematian akibat jangkitan Antraks pada 1 Mei lalu. Antraks adalah penyakit menular teruk berpunca daripada bakteria *Bacillus anthracis* dan boleh membawa maut kepada manusia.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi Kelantan, Datuk Tuan Mohd. Saripudin Tuan Ismail berkata, pemilihan lembu yang sihat dan berkualiti merupakan tuntutan Islam kerana ibadah korban menjanjikan pahala besar kepada mereka yang melaksanakan.

"Nasihat saya pilih lembu-

lembu tempatan yang dijamin bebas daripada sebarang penyakit berbanding yang diseludup.

"Kita mempunyai banyak baka tempatan berkualiti seperti Kedah-Kelantan hibrid serta kacukan seperti Brahman dan sebagainya," katanya.

Tuan Mohd. Saripudin memberitahu, walaupun harga lembu tempatan agak tinggi berbanding seludup, namun kualiti serta tahap kesihatan haiwan korban itu terjamin.

Kata beliau, setakat ini pihaknya tidak menerima sebarang data berkaitan jangkitan penyakit pada lembu di Kelantan.

Sementara itu, Komander Briged Tenggara Pasukan Gerakan Am (PGA), Datuk Nik Ros Azhan Nik Ab. Hamid berkata, sepanjang tahun lalu, sebanyak 385 ekor lembu seludup dirampas membabitkan nilai berjumlah RM2.88 juta.

Menurutnya, seramai 56 individu yang bertindak sebagai penghantar ditahan bagi membantu siasatan berhubung kes tersebut.

"Setakat Januari hingga 18 Mac lalu, PGA merekodkan ram-

pasan lembu seludup berjumlah RM2.11 juta," katanya kepada *Utusan Malaysia*, baru-baru ini.

Nik Ros Azhan turut mendedahkan, penggunaan dokumen yang berulang berkaitan proses pindahan lembu menjadi modus operandi utama sindiket untuk mengaburi mata pihak berkuasa.

Katanya, situasi itu menyukarkan PGA mengenal pasti kesahihan dokumen.

"Ini kerana, lembu yang dibawa mempunyai tanda di bahagian telinga. Bagaimanapun, kami membuat pemeriksaan penuh teliti bagi memastikan penyelewengan tidak berlaku," ujamya.

Sementara itu, seorang penyeludup dikenali Ja, 45, berkata, harga murah lembu seludup dari Thailand menjadi penyumbang kepada kegiatan itu uterus meningkat.

"Jika belian secara borong harga lembu menjadi lebih murah sekitar RM2,300 hingga RM2,500 seekor, bergantung kepada saiz.

"Antara jenis lembu yang diseludup ialah baka Kedah-Kelantan, kampung dan brahman," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/5/2025	BERITA HARIAN	NASIONAL	17

Pertanian negara kritikal, generasi muda kurang minat

Hampir separuh kawasan tanaman diusahakan individu berusia lebih 60 tahun

Oleh Essa Abu Yamin
essabuyamin@bh.com.my

Kuala Lumpur: Sektor pertanian negara tidak berdaya maju kerana terlalu bergantung kepada petani warga emas, manakala hampir semua kawasan tanaman diusahakan secara individu.

Bancian Pertanian 2024 mendapati hampir separuh daripada petani berusia 60 tahun, iaitu peratus tertinggi dalam kumpulan umur pengusaha.

Selain itu, 97.9 peratus daripada 1,030,020 pegangan pertanian di seluruh negara diusahakan secara individu.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof, berkata hanya 21,191 kawasan pertanian dikendalikan oleh pertubuhan, berbanding 1,008,829 pegangan yang diusahakan secara individu.

"Dapatan itu menunjukkan profil semasa sektor pertanian yang amat bergantung kepada golongan berusia.

"Seramai 458,263 individu atau 45.4 peratus daripada keseluruhan pengusaha pertanian berumur 60 tahun dan ke atas," katanya ketika berucap pada Majlis Peluncuran Laporan Interim Banci Pertanian 2024 di sini semalam.

Hadir sama Ketua Perangka



Fadillah (tengah) menunjukkan laporan interim pada Majlis Peluncuran Laporan Interim Banci Pertanian 2024 di MAEPS, Serdang, semalam. Turut hadir, Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Arthur Joseph Kurup (dua dari kiri) dan Mohd Uzir (kanan). (Foto BERNAMA)

wan, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin.

Bancian berkala setiap 10 tahun

Fadillah yang juga Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air berkata, Banci Pertanian akan dilaksanakan secara berkala setiap 10 tahun bagi memastikan data asas sektor pertanian sentiasa relevan dengan keperluan semasa dan cabaran masa depan.

Beliau berkata, langkah itu sebahagian daripada usaha mentransformasi tadbir urus data negara dengan menjadikan statis-

tik pertanian sebagai asas utama dalam penggubalan dasar dan perancangan pembangunan sektor berkenaan.

"Mulai 2026, tinjauan pertanian jangka pendek akan dilaksanakan secara berkala bagi meningkatkan ketersediaan data dan menyokong pemantauan berterusan terhadap sektor ini.

"Statistik kini bukan lagi sekadar angka tetapi alat strategik yang mendorong pembangunan dan penilaian impak dasar," katanya.

Sementara itu Mohd Uzir berkata, dapatan Banci Pertanian 2024 menunjukkan terdapat po-

tensi dalam penanaman tanaman baharu seperti kenaf, napier dan rumpai laut.

Beliau berkata, dapatan itu juga menunjukkan kenaf mencatatkan keluasan tanaman sebanyak 1,497.0 hektar dengan pengeluaran 9,916.1 tan, manakala napier direkodkan berkeluasan 1,387.7 hektar dan pengeluaran 35,687 tan.

"Industri-industri ini mempunyai potensi besar dari segi nilai tambah, eksport dan pengeluaran produk hiliran, dengan rantaian bekalan perlu diperkukuh bagi memacu pertumbuhan segmen ini," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/5/2025	BERITA HARIAN	NASIONAL	17

Malaysia masih bergantung kepada import makanan

SERDANG: Malaysia masih menunjukkan tahap kebergantungan tinggi terhadap import makanan meskipun nilai eksport agromakanan negara mencatatkan angka yang memberangsangkan.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof berkata, pada tahun lalu, nilai eksport produk agromakanan negara mencecah RM105.6 bilion, manakala nilai import pula berjumlah RM79.1 bilion.

Menurutnya, keadaan ini menimbulkan cabaran besar kepada usaha memperkukuh keterjaminan makanan dan mengurangkan kebergantungan kepada import.

“Laporan Akaun Pembekalan dan Penggunaan 2023 yang dikeluarkan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menunjukkan kita masih terlalu bergantung kepada import bagi memenuhi keperluan makanan negara.

“Antara kadar kebergantungan import tertinggi bagi kategori tanaman ialah bawang besar, bawang kecil dan bawang putih, masing-masing menca-

tatkan 100 peratus.

“Untuk kategori ternakan pula, kebergantungan tertinggi adalah bagi daging kambing dan bebiri (89.6 peratus), daging lembu dan kerbau (84.0 peratus), susu (56.6 peratus) dan sotong (77.8 peratus),” katanya dalam ucapan peluncuran Laporan Interim Banci Pertanian 2024 di Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS) di sini, hari ini.

Mengulas lanjut, Fadillah berkata, sektor pertanian juga masih bergantung kepada tenaga kerja asing bagi memastikan kelangsungan operasinya.

“Laporan Statistik Tenaga Buruh Malaysia 2023 merekodkan seramai 1.4 juta orang bekerja dalam sektor pertanian daripada jumlah keseluruhan 15.8 juta tenaga kerja di negara ini.

“Daripada jumlah itu, seramai 474,000 orang merupakan pekerja bukan warganegara. Situasi ini menunjukkan sektor pertanian masih menghadapi isu struktur yang memerlukan perhatian dan penyelesaian jangka panjang,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/5/2025	BERITA HARIAN	NASIONAL	17

Malaysia masih lagi bergantung kepada bahan makanan import

Serdang: Malaysia mencatatkan defisit hampir RM40 bilion setiap tahun susulan kebergantungan tinggi terhadap bahan makanan import.

Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Arthur Joseph Kurup, berkata perkara itu perlu diberi perhatian serius bagi menjamin keterjaminan makanan negara dalam jangka panjang.

"Pada tahun lalu, sektor pertanian dan agromakanan mencatat peningkatan sebanyak 4.52 peratus dan menyumbang hampir 12 peratus kepada Keluaran

Dalam Negara Kasar (KDNK) negara.

"Bagaimanapun, pada masa sama kita masih bergantung agak banyak kepada bahan makanan import dan ini menyebabkan jurang defisit yang besar.

"Kita membelanjakan sebanyak RM93 bilion bahan makanan import tetapi hanya RM50 bilion untuk eksport," katanya selepas merasmikan ShowTech MARDI 2025 di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS), di sini semalam.

Yang turut hadir, Pengerusi MARDI, Dr Azman Ismail dan

Ketua Pengarah MARDI, Datuk Dr Mohamad Zabawi Abdul Ghani.

Arthur berkata, sektor pertanian tidak lagi boleh bergantung kepada kaedah lama atau konvensional.

"Kita mesti beralih kepada kaedah pertanian yang lebih moden dan cekap termasuk penggunaan teknologi, automasi serta pelbagai tanaman yang lebih sesuai dengan iklim dan keadaan tanah negara," katanya.


Beliau berkata, pameran yang berlangsung selama lima hari sehingga 2 Jun ini menjadi pla-

tform penting untuk menghubungkan penyelidik, pencipta teknologi pertanian dan pemain industri.

"Pendekatan ini membolehkan mereka mengaplikasikan teknologi baharu di lapangan, selain membantu mengkomersialkan inovasi tempatan yang dihasilkan MARDI.

"Dengan ini, kita dapat memperluaskan hasil ciptaan seterusnya meningkatkan hasil pertanian serta menyumbang kepada perkembangan sektor pertanian dan agromakanan dalam negara," katanya.

"Tempahan diterima sebelum lalu dan diagih secara berperingkat mengikut permintaan pelanggan hingga lewat-lewatnya sehari sebelum Aidiladha," katanya yang menjual lebih 100 korban antara RM4,000 hingga RM6,000 mengikut saiz.



TARIKH	MEDIA	KUANGAN	MUKA SURAT
30/5/2025	HARAKAH	NARATIF PULAU MUTIARA	4

Pencemaran najis babi, kilang haram di Pulau Pinang

Oleh **SARINA ISMAIL & NOOR SARA MASHITOH MOHAMAD HANIF**

GEORGE TOWN: Mohd Sobri Saleh (PN-Permatang Berangan) membangkitkan isu pencemaran Sungai Kereh yang terus menghantui kehidupan penduduk di sekitar Permatang Berangan, Tasek Gelugor di mana sehingga kini masih tiada penyelesaian.

Katanya, pencemaran sungai yang berpunca daripada pembuangan terbuka sisa kumbahan najis ternakan babi terus berlarutan walaupun aduan telah dibuat sejak lebih empat dekad lalu.

"Masalah ini bukan baharu, sudah lebih 40 tahun. Saya telah membangkitkan isu ini sebanyak tiga kali dalam dewan yang mulia ini.



Mohd Sobri Saleh

Malangnya, sehingga ke hari ini, penyelesaian tuntas masih belum kelihatan," katanya.

Beliau berkata demikian

ketika mengambil bahagian dalam ucapan perbahasan Sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang minggu lalu.

Tegasnya lagi, pencemaran itu bukan sekadar menjadikan air sungai kotor dan berbahaya, tetapi turut menyebabkan pencemaran bau yang melampau sehingga mengganggu kehidupan harian penduduk.

"Kita kata bahawa industri ini memberi sumbangan kepada ekonomi negeri, tetapi ia tidak boleh dijadikan alasan untuk menafikan kesejahteraan rakyat dan kelestarian alam sekitar. Kedua-duanya mesti berjalan seiring," ujarnya.

Dalam pada itu, kerajaan negeri turut digesa mencari jalan penyelesaian terhadap isu kilang haram, sebagaimana dibangkitkan



Amir Hamzah Abdul Hashim

oleh **Amir Hamzah Abdul Hashim @ Md Hashim (PN-Permatang Pasir)** dalam ucapannya.

Kata beliau, terdapat ham-

pir 488 kilang haram di negeri itu dan situasi ini boleh menyebabkan Pulau Pinang kehilangan pendapatan daripada cukai perniagaan dan bayaran lesen.

"Malah kilang-kilang haram itu juga telah mengakibatkan pencemaran, sama ada pencemaran udara, air mahupun tanah. Pencemaran ini akan menjejaskan kesihatan manusia.

"Air kumbahan tanpa pemantauan yang dialirkan ke dalam sungai atau parit boleh menyebabkan sungai tercemar dengan pelbagai bahan toksik," tegasnya.

Menurutnya lagi, kewujudan kilang haram yang banyak di negeri itu mencerminkan kelemahan pengurusan kerajaan negeri, termasuk dari aspek penguatkuasaan undang-undang.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/5/2025	HARAKAH	SG4:PERLIS	16

Lamanita: Langkah pergiat keterjaminan makanan

PADANG BESAR: Program Menggenggam Bumi Hijau Zon Utara anjuran Lajnah Pertanian, Keterjaminan Makanan, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (LASPI) Dewan Muslimat PAS Malaysia (DMPM) berlangsung meriah pada 24 Mei lalu di Pusat Khidmat Wakil Rakyat Mata Ayer.

Program tersebut diketuai Pengerusi LASPI DMPM, Zuraida Md Nor, bersama rombongan bagi menyantuni serta bertukar pandangan dalam isu pembangunan komuniti dan keterjaminan makanan.

Seramai 30 wanita dari sekitar kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Mata Ayer telah menyertai program ini, yang antara lain menampilkan penyerahan Kit Pertanian sebagai simbo-

lik pelaksanaan dua projek utama iaitu Projek Lamanita dan Seraga Hijau.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Mata Ayer, Wan Badariah Wan Saad, yang menerima kunjungan hormat tersebut, menzahirkan penghargaan atas jalinan kerjasama strategik tersebut.

Khususnya, hargai beliau dalam memperkasa wanita melalui pendekatan lestari yang menyatukan aspek pertanian, alam sekitar dan kekeluargaan.

Program ini juga menjadi medan perkongsian pengalaman antara dua negeri serta memperkukuh dasar pemerkasaan wanita dan keterjaminan makanan menerusi kaedah pertanian lestari yang mudah dilaksanakan di peringkat komuniti setempat.



Wan Badariah (duduk paling kiri) dan Zuraida Md Nor (duduk, dua dari kanan) bersama peserta program.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/5/2025	SINAR HARIAN	NEGERI	24



Ada juga warga asing yang ditahan melakukan kesalahan mengikut Akta Imigresen 1959/63, Akta Pasport 1966 serta Peraturan 39(b) Peraturan-Peraturan Imigresen 1963.

'Ada ayam sudah mati sebelum disembelih'

Pusat penyembelihan ayam di Pasar Borong Selayang, di sini yang dipercayai beroperasi dengan mengagajikan pekerja asing secara tidak sah diserbu pada Khamis.

Oleh MUHAMMAD AFHAM RAMLI SELAYANG



Jafri (kanan) hadir meninjau pelaksanaan serbuan di enam pusat penyembelihan ayam di Pasar Borong Selayang.

Serbuan ke atas enam pusat penyembelihan bermula kira-kira jam 1.45 pagi itu dijalankan pasukan Bahagian Perisikan dan Operasi Khas Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) Putrajaya dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS).

Semasa serbuan, terdapat beberapa pekerja asing yang cuba melarikan diri. Tinjauan *Sinar Harian* mendapati ada antara pusat penyembelihan itu diuruskan dengan tidak teratur, di mana kesan darah, najis ayam serta ayam yang telah disembelih diletakkan di atas lantai.

Malah, difahamkan hanya sebuah premis diuruskan oleh warga tempatan bagi menjalankan kerja-kerja penyembelihan ayam, manakala premis lain dikendalikan oleh pekerja asing. Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) Imigresen, Jafri Embok Taha berkata, tindakan itu diambil susulan aduan serta risikan selama tiga minggu.

Katanya, JIM menahan 36 lelaki warga asing berusia antara 25 hingga 45 tahun yang bekerja di pusat penyembelihan terbabit dipercayai telah beroperasi selama kira-kira 20 tahun.

"Warga asing yang ditahan terdiri daripada 10 warga Bangladesh, 25 warga Myanmar serta seorang warga Indonesia, di mana ada antara mereka

merupakan pemegang kad Suruhanjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Pelarian (UNHCR).

"Ada juga yang melakukan kesalahan mengikut Akta Imigresen 1959/63, Akta Pasport 1966 serta Peraturan 39(b) Peraturan-Peraturan Imigresen 1963," katanya ketika ditemui di lokasi serbuan pada Khamis.

Tambahnya, pemeriksaan di lokasi hanya menemui dua warga tempatan sebagai penyembelih.

Jelasnya, JIM turut mengeluarkan notis saman kepada empat lelaki tempatan untuk hadir memberi keterangan.

"JIM dan JAIS mengingatkan agar masyarakat tidak melanggar undang-undang kerana proses penyembelihan perlu memenuhi syarat jabatan agama bagi memastikan bekalan halal dan tidak waswas," ujarnya.

Sementara itu, jurucakap JAIS menjelaskan, pihaknya akan menyiasat pemilik premis mengikut Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) 2011 di bawah Akta Perihal Dagangan 2011.

"Pemeriksaan awal menemui ayam yang mati sebelum disembelih, sekali gus tidak mengikut hukum syarak.

"JAIS mewajibkan setiap penyembelih memiliki tauliah menyembelih. Tauliah ini hanya dibenarkan kepada warga tempatan, namun sekiranya melibatkan warga asing, hanya mereka yang mempunyai permit kerja sah dalam bidang ini sahaja yang dibenarkan," katanya.



Weather woes can't stop the 'king'

Durian exports to China expected to surpass last year's despite harvest setback

By IMRAN HILMY
imran@thestar.com.my

GEORGE TOWN: "They smell like hell, but taste like heaven", exclaims Martin Yan as he poses with a variety of Penang durians.

The award-winning celebrity chef, who is in Penang as part of his Asia Culinary Tour 2025, could not resist the temptation of the king of fruits on his latest visit.

"Penang is a food heaven. Here in front of me are a variety of the king of fruits. The best durians in Penang," he said.

Besides tasting some of the best food in town, Yan, who was invited here to promote Visit Malaysia 2026, also explored the epic rainforest at The Habitat in Penang Hill.

Despite erratic weather conditions which affected durian harvests, this year's export to China is expected to surpass last year's target by 10%, said state agrotechnology, food security and cooperative development committee chairman Fahmi Zainol.

"The setback is minimal and not likely to affect the supply this year.

"The demand from the overseas market, especially China, remains strong, particularly for premium varieties such as Musang King and Black Thorn," he said.

With the durian season starting about a week ago, it is expected to stretch until September, giving farmers more time to fulfill both the local and international demands.

Fahmi said that despite a marked increase in cultivated land, from 1,817ha to 2,199ha, the overall durian output in 2024 actually declined by 10.8%, dropping from 20,082 metric tonnes in 2023 to 17,911 metric tonnes last year.

"This drop in yield is largely due to the unpredictable weather patterns including prolonged droughts and irregular rainfalls. This disrupted the fruit development and led to a premature fruit drop.

"Other factors included pest and disease outbreaks, as well as inconsistent farm management practices," he said.

Despite the production setback, Penang successfully exported more than 67,000kg of fresh durians in 2024.



Heavenly taste: Yan showcasing durian during the filming of a promotional video in Penang.
— Screengrab from Penang Global Tourism's Facebook page

ans in 2024.

This, he said, reflected the state's ability to meet both domestic demand and overseas orders.

Fahmi added that he remained cautiously optimistic about the outlook of exports, particularly for frozen durians to China.

"Penang recently secured approval to export directly to China, eliminating the previous dependence on transit through

states such as Johor or Pahang.

"This breakthrough is expected to streamline logistics and boost export efficiency moving forward," he said.

Fahmi said last year, the state managed to ship out 12,346kg of durians, including 10,441kg of fresh durians and 1,905kg of pulp to Thailand and Singapore.

"The Chinese market holds immense potential due to rising

demand and a preference for premium durians.

"With ongoing efforts by the state government and the Federal Agricultural Marketing Authority to improve the processing and packaging facilities, frozen durian export to China is expected to grow significantly over the next two to three years," he said.

Meanwhile, a check at several durian stalls in George Town revealed that prices vary widely, depending on the quality and grade of the fruit.

Teoh Cheng Hin, 37, said while the prices of the local durians have dropped slightly, branded durians still command a high price especially Musang King and Black Thorn.

"The Musang King is now priced between RM68 and RM90 per kilogramme.

"Other premium durians such as Black Thorn and Hor Lor are being sold at around RM118 per kilogramme.

"The Tupai King, which is new in the market, cost about RM130 per kilogramme due to its rarity.

"There are other affordable brands too such as Ang Hair, Capri, Lipan and Butter," he said.